

Rakyat diminta sertai program sambut merdeka

BAGAN DATOH: Seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira ideologi politik atau perbezaan fahaman diajak turut serta dalam semua acara sempena sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara yang bermula 17 Ogos ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata sebagai rakyat yang setia kepada raja dan negara, mereka tidak terkecuali untuk memeriahkan ketibaan detik bersejarah negara.

"Marilah kita lupakan sejenak perbezaan fahaman atau politik untuk memeriahkan ulang tahun kemerdekaan ke-50 yang berlaku sekali saja," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat sambutan bulan kemerdekaan peringkat Parlimen Bagan Datoh, semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan Datoh berkata, ahli dan penyokong parti pembangkang harus terbabit sama menterjemahkan taat setia mereka kepada negara dengan menyertai semua aktiviti yang diadakan sepanjang bulan kemerdekaan.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Publisiti dan Komunikasi Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan juga berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menaiki kereta yang pernah digunakan oleh Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ketika mengisytiharkan kemerdekaan tanah air pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.

"Kereta itu akan dinaiki Abdullah pada 17 Ogos bermula dari Lapangan Terbang Batu Berendam hingga ke Bandar Raya Bersejarah Melaka," katanya.

Beliau juga berkata, semua tokoh veteran Umno, MCA dan MIC yang terbabit ketika kemerdekaan negara 50 tahun lalu akan diraikan dalam satu majlis di Stadium Negara pada malam 31 Ogos ini.